

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ PUCHONG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pelaksanaan pelan NFCP ataupun JENDELA. Huraikan secara spesifik pencapaiannya setakat sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA merupakan perancangan kesinambungan kepada Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), yang dirangka sebelum pandemik COVID-19 melanda. Perubahan norma baharu pasca COVID-19 menyaksikan perubahan ketara corak penggunaan Internet dan perkembangan ini menambah kebergantungan terhadap aspek digital untuk pembangunan semula masyarakat dan ekonomi.

2. Melalui pelan JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

## SOALAN NO : 51

3. Sasaran fasa pertama yang bermula sekarang sehingga tahun 2022 adalah:

- a. Membolehkan penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
- b. Perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. Mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

4. Pelan JENDELA juga akan melibatkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 untuk mengoptimumkan penggunaan spektrum bagi pemantapan rangkaian teknologi 4G.

5. Bagi fasa kedua yang selaras dengan perancangan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) pula akan melibatkan peralihan kepada teknologi 5G selepas platform yang kukuh di dalam fasa pertama ini dapat dicapai.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan projek-projek di bawah pelan JENDELA di seluruh negara semenjak dua bulan pelaksanaannya antaranya adalah seperti berikut :

- a. Sebanyak 260,518 premis daripada sasaran lebih 2.5 juta premis telah disediakan dengan capaian gentian optik;
- b. Sebanyak 518 menara komunikasi daripada 2,601 menara komunikasi baharu yang akan dibina adalah berstatus telah siap; dan
- c. Sebanyak 12,091 alat pemancar komunikasi telah dinaik taraf kepada 4G daripada sasaran 20,803 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada yang akan dinaik taraf.

## SOALAN NO : 51

7. Secara ringkasnya, selepas dua (2) bulan pelaksanaan pelan JENDELA, liputan 4G bagi kawasan berpenduduk telah meningkat dari 91.8% kepada 92.03% dan sebanyak 260,518 premis telah mendapat capaian jalur lebar berkelajuan gigabit daripada 350 ribu premis yang disasarkan pada tahun ini.

8. Bagi tujuan penamatan rangkaian teknologi 3G, satu Jawatankuasa Penamatan Rangkaian 3G yang dianggotai oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), syarikat pemberi perkhidmatan, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Kastam Diraja Malaysia, *Consumer Forum of Malaysia* (CFM) dan *Malaysian Technical Standards Forum Berhad* (MTSFB) telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan melihat kepada keseluruhan aspek dari segi kajian, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dalam penamatan rangkaian teknologi 3G termasuklah migrasi rangkaian dan pelanggan serta peralatan dan peranti.

9. Kementerian bersama-sama dengan pihak SKMM serta syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan mendukung komitmen untuk memberi pengalaman terbaik kepada rakyat dan menjana pembangunan semula negara melalui penyediaan infrastruktur komunikasi yang mampan.

10. Namun begitu, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini juga turut memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.